



Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan ST3 2024

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP)

ST3 2024

IHPRP meningkat 0.3% pada ST3 2024

115.8

YoY = 0.3%

QoQ = 0.1%



Pengangkutan

108.3

YoY = -2.0%

QoQ = -0.6%




Profesional

155.7

YoY = 2.4%

QoQ = 0.9%

Penginapan dan
Aktiviti Perkhidmatan
Makanan & Minuman



Kesihatan

119.2

YoY = 0.8%

QoQ = 0.2%

Pendidikan




Kesenian, Hiburan &
Rekreasi

114.2

YoY = 5.4%

QoQ = 0.9%

Aktiviti Hartanah



101.0

YoY = -0.1%

QoQ = 0.0%


Maklumat &
Komunikasi



Sumber: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Ketiga 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: YoY = Tahun ke Tahun
QoQ = Suku Tahun ke Suku Tahun

Data Siri Masa IHPRP



Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.3 peratus pada Suku Tahun Ketiga 2024

- Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) meningkat perlahan 0.3 peratus pada suku tahun ketiga 2024 berbanding 0.7 peratus pada suku tahun sebelumnya.
- Indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat 5.4 peratus berbanding 7.7 peratus pada suku tahun kedua 2024 disumbangkan oleh Aktiviti Hiburan & Rekreasi Lain (0.9%). Indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman kekal meningkat 2.4 peratus (ST2 2024: 2.4%) disebabkan oleh Aktiviti Perkhidmatan Minuman (3.7%) dan Restoran dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (2.5%). Sementara itu, indeks Pendidikan meningkat 0.8 peratus, disumbangkan oleh Pendidikan Menengah (1.7%). Pada masa sama, indeks Kesihatan meningkat 0.3 peratus, manakala Profesional dan Aktiviti Hartanah masing-masing meningkat sebanyak 0.2 peratus dan 0.1 peratus.
- Sebaliknya, indeks Pengangkutan menurun 2.0 peratus (ST2 2024: -1.4%), disebabkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan Penumpang Udara (-8.1%). Selain itu, indeks Maklumat & Komunikasi terus turun 0.1 peratus (ST2 2024: -0.1%) disebabkan oleh indeks Aktiviti Telekomunikasi Tanpa Wayar (-0.2%).
- Perbandingan suku tahunan, IHPRP meningkat 0.1 peratus berbanding penurunan 0.1 peratus pada suku tahun kedua 2024.
- Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi di mana kedua-dua indeks mencatatkan peningkatan 0.9 peratus. Selain itu, indeks Pendidikan juga meningkat 0.2 peratus. Manakala indeks Kesihatan, Profesional dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah. Walau bagaimanapun, indeks Pengangkutan dan Aktiviti Hartanah masing-masing turun 0.6 peratus dan 0.5 peratus.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

